

Jangan anggap demokrasi hak bertanding

TEMERLUH, 2 Mei -

Ahli-ahli UMNO diingatkan supaya jangan menganggap demokrasi yang tercatat dalam perlembagaan parti sebagai hak bagi mereka untuk bertanding dalam sebarang jawatan tanpa mengira perasaan orang lain dan kesannya pada UMNO.

Ketika mengingatkan ini hari ini, Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, menarik perhatian: Demokrasi bermakna menghormati suara terbanyak dan mereka yang dari kalangan suara minoriti mesti patuh kepada kehendak ramai.

Katanya, ahli-ahli UMNO perlu mengakui dan memahami tradisi cara-cara perlembagaan parti dijalankan dan tidak semata-mata mengikut kehendak dan kepentingan sendiri.

Berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO bahagian Temerluh, di sini, pagi ini Perdana Menteri berkata: Demokrasi memang memberi peluang kepada ahli-ahli parti menyuarakan pendapat tetapi demokrasi juga terbatas kerana jika tidak, ia tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada ahlinya.

Oleh Mohd. Sidek Salleh

"Malangnya ada orang yang menganggap perlembagaan parti yang mengutamakan demokrasi bererti mereka berhak menyertai sebarang pertandingan tanpa mengira perasaan orang lain dan kesannya kepada parti," tegasnya.

Beliau lalu mengingatkan bahawa sikap sedemikian tidak dihapuskan maka UMNO akan hancur.

"Saya berkata demikian, bukan hendak mempertahankan kedudukan saya atau sesiapa, malah tidak ada niat saya nak jadi presiden seumur hidup. Semuanya adalah untuk kepentingan masa depan UMNO," tegasnya disambut tepukan gemuruh para perwakilan.

Inilah kali kedua dalam masa dua minggu beliau menyampaikan amanat tentang perlunya ahli-ahli UMNO mempertahankan tradisi parti dan sabar menunggu giliran untuk naik agar perpaduan UMNO dapat dikekalkan.

Kali pertama beliau menimbulkan perkara ini ialah semasa berucap di Kuala Kerai, Kelantan, 16 April lalu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berharap semua pemimpin UMNO tahu masanya bila mereka sepatutnya melepaskan jawatan setelah mereka tidak diperlukan tanpa dipaksa.

Beliau, yang juga Ketua Perhubungan UMNO Pahang, berkata: "Di Pahang pernah terjadi tidak beberapa lama dulu, ada pihak berhempas pulas dan bertungkus lumus untuk mengekalkan kedudukan mereka.

"Bukan itu saja, mereka juga menggunakan kuasa lain untuk kedudukan mereka di samping mengeluarkan beribu-ribu duit poket. Ini sudah tentu bukan untuk kebaikan UMNO."

Perdana Menteri berharap mereka yang tidak diperlukan tidak pula merajuk kerana "pernah saya dengar ada yang lepas tarik diri, merajuk masuk rumah dan kunci bilik terus merajuk.

"Saya juga kadang-kadang hendak juga merajuk tetapi nampak ada sokongan teruskan juga sumbangan saya sungguhpun saya kecewa," tambahnya secara berse-

loroh disambut gelak ketawa para perwakilan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan tentang perlunya ahli-ahli UMNO memahami tafsiran sebenar perlembagaan parti kerana adanya perlembagaan atau undang-undang tidak menjamin sesuatu pertubahan itu boleh mencapai kejayaan tanpa memahami cara-cara ia dilaksanakan.